

inSPIRED

richworks.com/inspired

MANDIRI HIDUP AISYAH JAFRI



BUSINESS TALK

9 PENGAJARAN
BUAT USAHAWAN
MUDA DARIPADA
SIR RICHARD
BRANSON

RICHWORKS

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

23 FEBRUARI 2023 | BIL : 23
WWW.RICHWORKS.COM

MENANGIS LIHAT KEDAI ROBOH

Bermula dengan bisnes di rumah setelah berhenti kerja, siapa sangka kini Aisyah Jafri sudah memiliki perniagaan fesyen yang terkemuka di Batu Pahat, Johor iaitu Aysha Zandra.

Menurut pemilik Aysha Zandra Trading ini, beliau memulakan perniagaan pada tahun 2013 dengan menjual pelbagai jenis produk termasuklah kek dan sebagainya.

“Serius, memang macam-macam yang saya lakukan pada waktu itu. Sampailah pada tahun 2014, arwah abang saya memberi cadangan untuk menyewa kedai.

“Saya mula menyewa dan beroperasi di kedai pada tahun 2015 sehinggalah premis tersebut dirobohkan pada tahun 2019. Waktu itu memang saya rasa sangat sedih dan kecewa apabila tempat saya mencari rezeki dirobohkan di depan mata.

“Ketika itu saya baru lepas bersalin dan terfikir di manalah saya mahu mencari rezeki selepas ini. Namun, Tuhan itu Maha

Pemurah. Dalam tempoh dua bulan, suami saya dapat carikan lokasi baharu untuk beroperasi iaitu sebuah kedai yang terletak betul-betul di Pekan Parit Raja.

“Pada waktu itulah kita mula bawa masuk pelbagai jenama tudung di negara ini sehinggalah sekarang. Kini, secara rasminya kita sudah berada di lokasi baharu pula pada bulan Julai tahun lalu. Alhamdulillah, tempatnya lebih luas dan selesa,” kata bekas kerani ini.

KEHILANGAN ABANG DUGAAN TERBESAR

Mula mengikuti program anjuran RichWorks pada tahun 2013, Aisyah mulakan langkahnya untuk sertai program pementoran Spire pada tahun 2021 setelah mengalami masalah perniagaan apabila jualan teruskan kekal di tahap yang sama.

“Waktu itu RichWorks hubungi saya untuk mengetahui perkembangan terkini. Kebetulan pula masa itu saya ada masalah jualan dan Tuan Haji Nasrul Hadi telah mencadangkan agar saya sertai program pementoran Spire.

“Memang banyak perkara saya belajar di situ. Namun, tahun 2022 menjadi sangat mencabar buat saya apabila abang yang tercinta telah meninggal dunia.

“Saya berada dalam titik terendah dalam hidup pada waktu itu kerana dia merupakan adik beradik yang paling rapat dengan saya. Bisnes ini berjalan hasil bantuan dia





juga yang selalu berada di belakang saya. Memang saya hilang arah dan tidak sertai langsung kelas sehingga saya terkeluar dari Spire,” luahnya dengan sebak.

Selepas keluar dari Spire, barulah Aisyah tersedar kembali akan kepentingan bimbingan dalam perniagaan untuk dirinya sentiasa bangkit dan berkembang maju dalam perniagaan yang diusahakan.

Beliau juga tahu bahawa dirinya memerlukan seseorang yang sentiasa bercakap dan mengingatkan dirinya agar tidak terus hanyut dengan perasaan dan emosi hingga menjejaskan bisnes yang dijalankan.

“Di sini, RichWorks memainkan peranan yang besar dalam mengubah cara pemikiran



saya. Memang sangat-sangat membantu. Lebih kurang sebulan selepas itu saya pun kembali menyertai Spire,” kongsiinya.

RMI JUTA BUKAN ANGKA YANG MUSTAHIL

Meraih pelbagai perkembangan positif dalam perniagaan setelah bersama Spire, Aisyah berasa gembira dengan perubahan yang dialami termasuklah dari segi kepimpinan dan komunikasi dalam dirinya.

“Selain lebih mengerti tentang soal ‘magic numbers’, saya juga kini lebih tahu bagaimana caranya untuk kendalikan staf dengan baik.

“Kalau dulu, staf asyik tidak bertahan lama hinggan saya rasa sudah malas mahu mengambil staf. Tapi, bila sudah berada dalam Spire, saya sudah faham yang saya tidak akan boleh pergi jauh kalau bersendirian. Dari situlah saya mula ambil staf sedikit demi sedikit.

“Alhamdulillah, kini semua staf saya masih kekal bersama setelah saya betul-betul fokus dan aplikasikan segala ilmu yang diterima. Saya cuba untuk mendengar suara mereka dan perkara itu secara tidak langsung dapat juga memperbaiki kemahiran kepimpinan yang dimiliki.



IMPI JADI PELOPOR

Berkongsi impiannya untuk Aysha Zandra di masa akan datang, beliau berharap agar syarikatnya dapat menjadi pelopor bagi pengedaran fesyen hijab terkini di Malaysia selain menawan hati lebih ramai lagi pelanggan wanita di luar sana.

“Memang ramai orang yang menjual dalam industri ini. Tetapi, apa yang saya nampak adalah mereka tidak kekal lama dan tidak faham apa yang hendak dibawa. Jadi, dari aspek itu saya rasa saya boleh menang.

“Apa yang telah saya lalui di tahun 2023 banyak mengajar saya untuk menjadi lebih kuat. Di samping itu, saya juga mahu bawa jenama ini ke peringkat yang lebih tinggi selain berharap untuk mempunyai produk sendiri suatu hari nanti,” luahnya yang kini sudah berada program pementoran Titanium sejak November lalu.

Jika anda mahu mengetahui lebih lanjut mengenai bisnes yang diusahakan, layari laman web www.ayshazandra.com untuk mendapatkan info tentangnya.

“Saya perasan perkara ini berlaku bukan hanya di kalangan pasukan saja, malah perubahan itu turut dialami dan dirasai apabila saya bersama dengan suami dan anak-anak,” tutur ibu kepada tiga orang cahaya mata ini.

Di samping itu, beliau juga turut meluahkan rasa teruja dengan hasil jualanannya apabila sudah berjaya meraih RMI juta pertamanya pada tahun lalu.

“Dulu memang sukar untuk saya kekalkan jualan RM100 ribu setiap bulan kecuali di musim perayaan sahaja. Jadi, saya asyik berfikir bagaimana nak capai RMI juta kalau berterusan begini?”

“Namun, setelah kita faham permainan apa yang ingin kita bawa dalam bisnes, kita akan nampak jalannya,” ujarnya yang sudah terbiasa dalam dunia perniagaan sejak dari kecil lagi.



3

PESANAN

AISYAH JAFRI

1

MANA BOLEH MENYERAH

"Pertama sekali, jangan berputus asa. Apa saja yang anda sedang lalui sebenarnya sedang mengajar anda untuk menjadi lebih kuat selepas ini.

"Allah itu Maha Melihat. Dia nak hadiahkan kita sesuatu selepas ini. Seperti saya, apa yang saya belajar dan lalui telah mengajar saya untuk menjadi lebih kuat sebelum Dia kurniakan apa yang saya minta.

"Oleh itu, jangan menyerah. Teruskan usaha dan percayalah kepada proses ini," jelasnya.

2

MESTI ADA MENTOR

"Saya tahu kelemahan diri. Kadang-kadang kita suka buat sesuatu perkara sesuka hati. Tapi, dengan adanya mentor, beliau akan sentiasa ingatkan kita. Perlu buat begini dan begitu.

"Sesi Weekly Focus sangat membantu apabila Datuk Wira Dr. Azizan Osman sentiasa berikan pesanan agar kita fokus dan komited dengan apa jua perkara yang hendak dilakukan," tambahnya.

3

SENTIASA MUHASABAH DIRI

"Jangan berhenti percaya kepada proses. Kalau rasa nak berhenti kerana gagal, maka kita perlu periksa kembali keadaan diri.

"Apa perkara yang kita masih tidak betulkan dalam diri? Bagaimana nak cari perkara yang tak betul itu? Mestilah melalui ilmu dan pembelajaran. Itu sahajalah solusinya," katanya menutup bicara.





BUSINESS TALK

PENGAJARAN BUAT USAHAWAN MUDA DARIPADA SIR RICHARD BRANSON



Adakah anda kenal dengan individu yang bernama Richard Branson? Sir Richard Charles Nicholas Branson adalah seorang tokoh usahawan yang berjaya di mana beliau adalah pengasas kepada Virgin Group yang mempunyai rangkaian lebih daripada 400 buah syarikat di seluruh dunia. Branson menyatakan keinginannya untuk menjadi seorang usahawan pada usia muda. Oleh itu, beliau memulakan usaha perniagaan pertamanya pada usia 16 tahun dengan melancarkan majalah Student. Apa yang usahawan muda boleh pelajari daripada beliau?

1 **Gagal akademik bukan gagal segalanya**

Tidak mendapat gred A dalam peperiksaan atau kurang cemerlang akademik bukanlah bermakna anda akan gagal dalam segala aspek.

Jangan begitu, itu bukan pengakhiran hidup anda.

Ketika berusia 8 tahun, Richard masih gagal membaca dan menulis huruf serta nombor. Namun begitu, kemahiran dalam perniagaan sudah terserlah dalam jiwa Richard sejak dari bangku sekolah lagi. Ketika berumur 11 tahun, beliau telah menjalankan perniagaan sendiri bersama rakannya, Nik Powell.

Mereka telah menjual serta membiak sejenis burung kakak tua yang dikenali "Budgerigars". Ayah Richard telah memberi dorongan dengan membina sangkar burung bagi menyokong perniagaan mereka.

Jika lihat anak anda mempunyai minat dalam bidang perniagaan, maka berilah sokongan dan doakan kejayaan buatnya. Lihat pada diri, apa kelebihan yang anda ada. Jangan sia-siakan keistimewaan yang dimiliki.



2 Nota

Pen memang tidak dapat dipisahkan dalam hidup Sir Richard Branson. Beliau gemar mencatat setiap idea yang terlintas di fikirannya.

Beliau akan mencatat idea di atas apa sahaja, kertas, meja, sapu tangan atau apa sahaja yang berada di depannya pada ketika itu.

Baginya, idea yang hadir sepintas lalu mungkin boleh mengubah nasibnya mahupun dunia!

Hari ini lebih mudah, telefon pintar selalu di tangan kita. Pelbagai aplikasi boleh dimanfaatkan. Anda juga boleh merakam suara tentang idea yang terlintas di fikirkan.

3 Luang masa bersama keluarga


Walaupun sibuk, jangan lupa meluangkan masa bersama keluarga. Selalulah berhubung dengan ibu bapa dan minta mereka mendoakan kejayaan kita.

4 Bangunkan pasukan yang kuat

Richard Branson mempunyai lebih daripada 400 rangkaian perniagaan dalam pelbagai sektor. Bagaimana beliau boleh mengemudi pasukannya?

Di sini, anda semestinya perlu memiliki ilmu kepimpinan yang kuat. Selain belajar daripada pengalaman sendiri, anda boleh menuntut ilmu kepimpinan menerusi bimbingan mentor yang mempunyai hasil yang nyata.

Jadi, tidak perlulah anda melanggar pelbagai 'tembok' dan 'roadblock' di depan mata. Malah, anda boleh capai kejayaan dan merealisasikan impian dengan lebih cepat dengan adanya panduan daripada mentor yang tepat.



Klinik Usahawan SIRI BINA BISNES BERJAYA

Sesi Transformasi Perniagaan
untuk Usahawan SME

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS



Kenapa **USAHAWAN** Perlu Hadir?



Buku Untuk Usahawan
Bakal Jutawan &
Blueprint 10X SME BBB

+

Sesi Penilaian Perniagaan
Anda Berharga **RM497**

100%
PERCUMA



inSPIREdTM
E- MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN



RICHWORKS[®]
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

PENAFIAN : Nasihat yang diberikan dalam majalah ini merupakan nasihat secara am. Ia disediakan tanpa mengambil kira objektif, situasi kewangan atau keperluan anda. Sebelum melakukan tindakan, anda perlu menilai kesesuaian nasihat diberikan mengikut situasi & keperluan masing-masing.